



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 - 29 JANUARI 2024 (KHAMIS - ISNIN)

Harga Ayam Dijangka Naik Disebabkan Tarif Air Naik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	25 Jan



Gambar hiasan.

SHAH ALAM – Harga ayam di pasaran dijangka naik susulan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari depan.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, peningkatan kos utiliti itu bakal menjadikan kos pengeluaran sumber makanan itu meningkat daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Jelas beliau, kos itu meliputi 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.


“Justeru, kami jangka kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram.

“Kami berharap harga ayam boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Menurut Nasiman, penternak kini perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sehingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban. – [KOSMO! ONLINE](#)

Penternak Ayam Harap Kerajaan Bantu Mudahkan Kelulusan KM,
Nilai Semula Harga Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	25 Jan



Dr Nasiman ketika sidang media berkenaan isu semasa berhubung pengusaha ladang ayam di Seksyen 14 hari ini.- Foto Bernama

SHAH ALAM: Penternak ayam berharap agar kerajaan memudahkan isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi pembinaan reban baharu serta menilai semula harga pasaran ayam tempatan susulan peningkatan tarif air bermula Februari depan.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr Nasiman Sapari, berkata isu kelulusan KM daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dihadapi penternak tempatan sejak lebih 10 tahun lalu.

"Ada penternak didenda RM20,000 yang dicaj setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan KM. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan. Kos dikenakan pula sehingga RM60,000.

"Masalah ini berlarutan terlalu lama, ada antara kami yang bina reban dan jual ayam dahulu untuk tampung kos KM. Sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000 penternak dipercayai bina

reban tanpa KM sebab berdepan kerenah birokrasi dan kos yang tinggi," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kenaikan tarif air pula akan menyebabkan penternak terpaksa menanggung peningkatan kos utiliti pengeluaran sumber protein itu daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Katanya, ketika ini kos tersebut adalah sebanyak 7.2 peratus daripada berbanding pengeluaran ayam RM6.53

sekilogram seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 25 sen sekilogram. Jika tiada kenaikan harga ayam, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan

kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya.

Nasiman berkata, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Dalam pada itu, Nasiman memberitahu sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai.

Jelasnya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.-[BHONLINE](#)

Penternak Ayam Harap Kelulusan KM Reban Baru dipermudahkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	25 Jan



DR Nasiman Sapari ketika sidang media berkenaan isu semasa berhubung pengusaha ladang ayam di Seksyen 14, Shah Alam. FOTO BERNAMA

Shah Alam: Penternak ayam berharap kerajaan dapat memudahkan isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) bagi pembinaan reban baharu serta menilai semula harga pasaran ayam tempatan susulan peningkatan tarif air bermula Februari depan.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan Dr Nasiman Sapari berkata, isu kelulusan KM daripada pihak berkuasa tempatan dihadapi penternak tempatan sejak lebih 10 tahun lalu.

"Ada penternak didenda

RM20,000 yang dicaj setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan KM.

"Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan. Kos dikenakan pula sehingga RM60,000.

"Masalah ini berlarutan terlalu lama, ada antara kami yang bina reban dan jual ayam dahulu untuk tampung kos KM.

"Sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000

penternak dipercayai bina reban tanpa KM sebab berdepan karenah birokrasi dan kos yang tinggi," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Menurutnya, kenaikan tarif air pula akan menyebabkan penternak terpaksa menanggung peningkatan kos utiliti pengeluaran sumber protein itu daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Katanya, ketika ini kos berkenaan adalah sebanyak 7.2 peratus daripada pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 25 sen sekilogram.

"Jika tiada kenaikan harga ayam, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi

menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya.

Nasiman berkata, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Dalam pada itu, Nasiman berkata, sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan Dasar Agromakanan Negara 2030 sukar dicapai.

Katanya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.-[MyMETRO](#)

Penternak Mahu Kerajaan Pertimbang Naik Harga Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	25 Jan



Dari kiri, Nasiman, Idrus dan Mohd Muzamri dalam sidang media di sebuah hotel di Seksyen 14, di sini pada Khamis.

SHAH ALAM - Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan berharap harga ayam di pasaran dapat dinaikkan berikutan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Kenaikan harga ayam wajar dipertimbangkan pihak kerajaan kerana kenaikan kos utiliti itu akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber makanan tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Pengerusinya, Dr Nasiman Sapar turut berkata, ketika ini

kos utiliti adalah sebanyak 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Jika tiada kenaikan harga ayam, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga

ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak termasuk Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) di sebuah hotel di Seksyen 14, di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi PPANS, Mohd Muzamri Soib dan timbalannya, Idrus Zainal Abidin.

Beliau menambah, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Media sebelum ini melaporkan kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meluluskan kenaikan tarif air sehingga 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari ini.

Dalam pada itu, Nasiman mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti

ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 juga sukar dicapai dan membebankan golongan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerenah birokrasi semasa.

Ujarnya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.

Menurut Nasiman, pengeluaran ayam tempatan adalah sekitar 147 juta ekor setahun sementara sasaran untuk dicapai pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan penduduk di negara ini sekitar 36 juta orang.

"Ini bermakna setiap tahun penternak kena tambah pengeluaran 143 juta ekor bagi mencapai sasaran tersebut, sedangkan pelbagai masalah dihadapi penternak termasuk kerenah birokrasi kerajaan," ujarnya.

Antara kerenah birokrasi dihadapi para penternak tempatan lebih 10 tahun terutama isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa

tempatan (PBT) di setiap negeri.

Menjelaskan perkara itu, PPANS mendedahkan ada penternak didenda RM20,000 yang dicaj setiap tahun sebagai kesalahan berulang kerana membina reban tanpa kelulusan KM.

Timbalan Pengerusi PPANS, Idrus Zainal Abidin berkata, adalah sukar bagi penternak untuk mendapatkan kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan manakala kos yang dikenakan pula sehingga mencecah RM60,000.

Jelasnya lagi, isu KM sudah berlarutan terlalu lama malah ada antara penternak yang terpaksa membina reban dengan menjual ayam terlebih dahulu untuk menampung kos KM.

"Oleh sebab itu juga sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000 penternak dipercayai membina reban tanpa KM sebab berdepan kerenah birokrasi dan kos yang tinggi," tambahnya.

–[SINARHARIAN](#)

Penternak Runsing Kos Pengeluaran Ayam Naik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	25 Jan



KOS pengeluaran ayam dijangka naik berikutan peningkatan tarif air yang bermula 1 Februari ini. - Gambar hiasan

SHAH ALAM: Penternak-penternak ayam memberi amaran bakal berlaku kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran berikutan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Menurut, Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari, peningkatan kos utiliti itu dijangka menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber protein tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Beliau berkata, ketika ini kos

tersebut adalah sebanyak 7.2 peratus daripada berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 25 sen sekilogram. Jika tiada kenaikan harga ayam, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi

penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

“Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram,” katanya dalam sidang akhbar, hari ini.

Beliau menambah, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Terdahulu, Utusan Malaysia melaporkan kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meluluskan kenaikan tarif air sehingga 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari ini.

Dalam pada itu, Nasiman mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan membebankan para penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerenah birokrasi semasa.

Dakwanya, pengeluaran

ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.

“Ketika ini, pengeluaran ayam tempatan sekitar 147 juta ekor setahun sementara sasaran untuk dicapai pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan penduduk di negara ini sekitar 36 juta orang.

“Untuk mencapai pengeluaran sedemikian, bermakna setiap tahun penternak kena tambah pengeluaran 143 juta ekor bagi mencapai sasaran tersebut, sedangkan pelbagai masalah dihadapi penternak termasuk kerenah birokrasi kerajaan,” tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin menjelaskan, antara kerenah birokrasi dihadapi para penternak tempatan lebih 10 tahun terutama isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

“Ada penternak yang didenda RM20,000 yang dicaj setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan KM. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan. Kos dikenakan pula sehingga RM60,000.

“Masalah ini berlarutan terlalu lama, ada antara kami yang bina reban dan jual ayam dahulu untuk tampung kos KM. Sekitar 80 hingga 90 peratus daripada lebih 1,000 penternak dipercayai bina reban tanpa KM sebab berdepan kerenah birokrasi dan kos yang tinggi,” ujarinya.

– [UTUSAN](#)

Jualan Ayam Segar RM9.90 Seekor 'Licin' Dalam 30 Minit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Online	26 Jan



FOTO Agrobazaar Rakyat Borong Wann

TITI BESAR, 26 Januari- Pelbagai pendekatan boleh dilaksanakan golongan pengusaha dalam membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barangan ketika ini.

Ini termasuk Agrobazaar Rakyat Borong Wann apabila menawarkan ayam segar hanya pada harga RM9.90 seekor berbanding harga asal RM13.00 seekor.

Pengurus Agrobazaar Rakyat Borong Wann, Wan Mohd Shafizan Wan Nan memaklumkan, program yang

berkonsep perkongsian rezeki itu bagi membantu penduduk setempat mendapatkan ayam segar yang ditawarkan pada harga murah.

Beliau berkata, sambutan yang sangat menggalakkan sehinggakan kesemua ayam habis terjual hanya dalam tempoh 30 minit.

"Selain menjimatkan perbelanjaan harian, usaha sebegini juga membolehkan penduduk mendapatkan barangan segar yang berkualiti secara terus

daripada pengusaha.

"Kami akan terus menyokong usaha ini dengan mengadakan jualan secara berkala untuk membantu penduduk sekitar,"katanya.

Beliau memaklumkan pada Program Jualan Khas Ayam Segar di Agrobazaar Rakyat Borong Wann, Felcra Lubuk Sireh.

Agrobazaar Rakyat Borong Wann turut melaksanakan Jualan Kombo Madani pagi semalam yang mendapat sambutan hebat penduduk setempat apabila 100 set terjual dalam tempoh sejam program berlangsung.-

[BERITARTM](#)

Melaka Sedia Perketat Pemakaian Tag Haiwan Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	18	26 Jan

Melaka sedia perketat pemakaian tag haiwan ternakan



SEBAHAAGIAN lembu yang dilelong dalam sesi lelongan haiwan di Jasin semalam.

JASIN - Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan untuk memperketatkan pemakaian tag haiwan ternakan terutama lembu bagi memudahkan pihak berwajib mengesan pemiliknya.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Ketahanan Makanan Melaka, Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa khas yang dijangka ditubuhkan pada minggu depan.

Katanya, pemakaian tag itu penting bagi mengumpul maklumat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri

memandangkan masih ramai penternak yang tidak mendaftarkan ternakan mereka.

"Kalau dapat tangkap (lembu) kita boleh tahu siapa pemiliknya, kita akan melihat peruntukan undang-undang. Jika tiada tag, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi pihak kerajaan negeri, kita tahu berapa jumlah lembu yang diternak. Jadi kalau tiada tag, kita anggap haiwan itu terbiar," katanya pada sidang akhbar selepas sesi lelongan haiwan ternakan di sini semalam.

Terdahulu, sebanyak lima ekor lembu yang ditangkap

dalam operasi pada 13 Januari lalu dilelong dengan jumlah bidaan RM11,700. Harga tertinggi bidaan adalah RM3,500 bagi seekor lembu dan paling rendah RM1,600 seekor.

Tambahnya, satu operasi besar-besaran akan dijalankan dalam waktu terdekat bagi menangkap lembu yang berkeluaran di seluruh Melaka.

Operasi itu dilaksanakan di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) dan diselenggarakan dalam jawatankuasa khas berkenaan.

"Jika pemilik gagal tampil atau bayar denda, maka haiwan tersebut akan dilelong," ujarnya.

Penternak Redah Banjir Selamatkan 60 Ekor Lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	25	26 Jan

Penternak redah banjir selamatkan 60 ekor lembu

KUANTAN - Seorang penternak meredah banjir bagi menyelamatkan 60 ekor lembunya yang dikurung dalam kandang di Kampung Bukit Danau, di sini daripada mati akibat banjir.

Azhar Abdullah, 40 berkata, ia merupakan kali ketiga kampungnya dilanda banjir sejak musim tengkujuh bermula Disember tahun lalu.

"Macam semalam (Rabu), air mula naik dalam jam 2 pagi. Kita memang dah kurung di sini (kandang) tapi kawasan ini pun tenggelam juga.

"Semua ada 60 ekor, jadi pagi ini (Khamis) saya dengan bantuan rakan-rakan mula memindahkan lembu ke tempat lebih tinggi dan selamat," katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Danau di sini pada Khamis.

Azhar memberitahu, kesemua haiwan ternakan itu akan ditempatkan di kawasan bukit berdekatan di seberang jambatan, menghala ke pekan Sungai Lembing.

Dia pernah mengalami kerugian puluhan ribu ringgit selepas lebih 20 lembu peliharaannya di-hanyutkan arus banjir pada 2021.

"Alhamdulillah kali ini tidak rugi banyak kerana hanya seekor anak lembu yang mati kesejukan dan selebihnya berjaya dipindahkan," katanya.



Sebanyak 60 ekor lembu dari kandang milik Azhar di Kampung Bukit Denau dipindahkan ke tempat lebih tinggi pada Khamis.

Lima Lembu Terbiar Dilelong RM11,700

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	27	26 Jan

Lima lembu terbiar dilelong RM11,700

bayaran kompaun sebanyak RM1,000 kepada setiap ekor lembu.

Menurutnya, individu terbabit turut meminta pengurangan jumlah kompaun, namun dalam hal ini pihaknya tidak akan berkompromi sehingga lima ekor lembu itu tidak dituntut pemilik-nya dalam tempoh ditetapkan.

Katanya, pada proses lelong-an tersebut lembu paling tinggi dibida dengan harga RM3,500 seekor manakala terendah berharga RM1,600.

"Bila kehilangan nyawa tiada seorang pun pemilik ternakan mengaku bahawa itu adalah lembu mereka dan termasuk seekor betina yang terbiar pada 13 Januari lalu dengan jumlah bidaan keseluruhan RM11,700.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, proses lelongan itu dilakukan selepas mendapati pemilik lembu tidak menjelaskan



Muhamad Akmal (tengah) ketika meninjau lima ekor lembu yang akan dilelong di kandang milik Pembangunan Pertanian Melaka di Semujuk, Merlimau pada Khamis.

Melaka di Semujuk, Merlimau di sini, pada Khamis.

Hadir sama, Setiausaha MPJ Muhammad Zahiruddin Mohd Zahari dan Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Pembangunan

Pertanian Melaka Sdn Bhd, Azahar Mohamed.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berkata, pihaknya telah merujuk kepada Mufti negeri,

Datuk Abdul Halim Tawil sebelum proses lelongan dan haiwan ternakan itu sah untuk dimakan mahupun dijadikan lembu korban.

Muhamad Akmal berkata, jika sebelum ini mereka boleh mengambil remeh berkenaan isu lembu terbiar hingga berlakunya kehilangan nyawa akibat kemalangan, namun kali ini tidak akan terlepas dari segi perundangan.

Ujarnya, sepanjang proses lelongan tidak dibenarkan campur tangan politik untuk melepaskan lembu yang telah ditangkap atau pengurangan kompaun supaya penternak ini benar-benar mengambil sikap tanggungjawab dan menjelaskan denda dikenakan.

Pada 13 Januari lalu, Muhammad Akmal bersama penguat kuasa MPJ melakukan tangkapan lembu terbiar di sebuah ladang sawit dengan menggunakan ubat pelai seperti yang disarankan Jabatan Veterinar Melaka.

Oleh NOR FARHANA YA'ACOB
JASIN

Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) berjaya melelong lima ekor lembu termasuk seekor betina yang terbiar pada 13 Januari lalu dengan jumlah bidaan keseluruhan RM11,700.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, proses lelongan itu dilakukan selepas mendapati pemilik lembu tidak menjelaskan

Penternak Mahu Pertimbang Naikkan Harga Ayam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	27	26 Jan

Penternak mahu kerajaan pertimbang naikkan harga ayam

SHAH ALAM - Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan berharap harga ayam di pasaran dapat dinaikkan berikutan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Kenaikan harga ayam wajar dipertimbangkan kerana kenaikan kos utiliti itu akan menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber makanan tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Pengerusinya, Dr Nasiman Sapar turut berkata, ketika ini kos utiliti adalah sebanyak 7.2 peratus berbanding pengeluaran ayam RM6.53 sekilogram seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bakal meningkat antara 11 hingga 20 peratus.

"Jika tiada kenaikan, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga da-

ripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak termasuk Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) di sebuah hotel di Seksyen 14, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz sesebuah reban.



Nasiman (tiga dari kiri) ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan persatuan penternak di sebuah hotel di Shah Alam pada Khamis.

Air, Harga Ayam Pun Naik 1 Februari

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	8	26 Jan

Air, harga ayam pun naik 1 Februari?

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Para penternak ayam memberi amaran bakal berlaku kenaikan harga bahan makanan itu di pasaran berikutan peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari ini.

Pengerusi Pertubuhan Penternak Ayam Kebangsaan, Dr. Nasiman Sapari berkata, peningkatan kos utiliti itu dijangka menyebabkan kenaikan kos pengeluaran sumber protein tersebut daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

"Justeru, kami menjangkakan kos utiliti pengeluaran ayam dijangka meningkat sekurang-kurangnya 25 sen sekilogram. Jika tiada kenaikan harga, penternak akan berterusan berdepan tekanan yang ketika ini pun menghadapi penetapan harga daripada pembekal sekitar RM5.80 hingga RM5.90 sekilogram.

"Jadi, kami berharap harga ayam di pasaran boleh ditingkatkan kepada RM10 sekilogram supaya penternak boleh menarik nafas bagi menghadapi peningkatan kos dengan memperoleh

pendapatan tambahan sekitar RM1 hingga RM2 sekilogram," katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Beliau berkata, ketika ini penternak perlu menanggung kos utiliti termasuk bil air dan elektrik sekitar RM9,000 hingga RM10,000 bergantung kepada saiz reban.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan kerajaan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) meluluskan kenaikan tarif air sehingga 22 sen bagi setiap meter padu bermula 1 Februari ini.

Dalam pada itu, Nasiman mendedahkan sasaran pengeluaran ayam sehingga 140 peratus seperti ditetapkan dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2030 sukar dicapai dan membebankan penternak berdasarkan situasi pengurusan dan kerenah birokrasi semasa.

Dakwanya, pengeluaran ayam negara kini berdepan penurunan sehingga 39 peratus dalam tempoh 10 tahun dan tidak menunjukkan sebarang peningkatan apabila pengeluarannya berkurangan sekitar tiga juta ekor tahun lalu berbanding 2022.

"Ketika ini, pengeluaran ayam tempatan sekitar 147 juta ekor setahun sementara sasaran untuk dicapai pada 2030 pula adalah 818 juta ekor setahun bagi memenuhi peningkatan keperluan penduduk negara ini sekitar 36 juta orang.

"Untuk mencapai pengeluaran sedemikian, bermakna setiap tahun penternak kena tambah pengeluaran 143 juta ekor bagi mencapai sasaran tersebut, sedangkan pelbagai masalah dihadapi penternak termasuk kerenah birokrasi kerajaan," tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, antara kerenah birokrasi dihadapi penternak tempatan lebih 10 tahun terutama isu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri.

"Ada penternak didenda RM20,000 setiap tahun (sebagai kesalahan berulang) sebab bina reban tanpa kelulusan. Sukar dapat kelulusan KM sebab perlu persetujuan 14 jabatan dan agensi kerajaan," katanya.

Industri Ayam Kena Kesan Domino

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Bisnes	Online	27 Jan



KOS utiliti seperti air dan elektrik adalah antara sebahagian daripada kos perlu ditanggung dalam industri ayam.

Kuala Lumpur: Kenaikan tarif air hingga menyebabkan kos setiap ekor ayam naik 8 sen sememangnya tidak dapat dielakkan dan memberi kesan domino kepada industri makanan negara secara langsung termasuk kadar inflasi semasa.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kenaikan harga atau tarif utiliti seperti air dan elektrik secara umumnya akan memberi kesan kepada rantai nilai bekalan industri ayam negara.

Katanya, penternak yang berskala besar mungkin sekurang-kurangnya dapat menyerap kenaikan kos dengan economies-of-scale tetapi tidak kepada penternak kecil.

"Langkah penggunaan teknologi baharu melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dicambahkan lagi untuk membantu menangani kenaikan tarif air kerana ia perlu untuk kelestarian jangka panjang industri ayam negara.

"Apatah lagi kerajaan baru saja meluluskan pengapungan harga ayam pada akhir tahun lalu. Langkah pengapungan berkenaan dibuat selepas kerajaan mendapati bekalan kedua-dua sumber makanan (ayam dan telur) itu kini stabil.

"Justeru, kuasa pasaran yang menentukan pergerakan naik turun harga ayam di pasaran," katanya kepada Bisnes Metro.

Aimi Zulhazmi mengulas mengenai peningkatan tarif air di seluruh negara bermula 1 Februari dan menyebabkan harga ayam di pasaran dijangka naik daripada 40 sen kepada 48 sen seekor.

Menurutnya, kos utili seperti air dan elektrik adalah antara sebahagian daripada kos perlu ditanggung dalam industri ayam dan selain itu kos yang utama adalah anak-anak ayam dan makanan ayam, komposisi utama makanan ayam iaitu dedak jagung turut diimport dari luar negara.

Beliau berkata, kelemahan nilai ringgit juga memberikan kesan kepada kenaikan harga dedak seterusnya menaikkan kos menternak ayam.

"Sebarang perubahan yang

berlaku kepada kos utiliti seperti tarif air pasti akan memberikan kesan kepada bukan sahaja rantai nilai bekalan ayam tetapi juga keseluruhan industri makanan negara di mana ayam adalah makanan berprotein yang paling murah dan juga paling tinggi dimakan penduduk Malaysia.

"Namun sudah pasti kerajaan juga memantau dari semasa ke semasa kerana perubahan ekonomi dunia yang begitu drastik berikutan faktor seperti perubahan cuaca dan krisis geopolitik semasa bagi memastikan harga ayam atau barangan lain terkawal," katanya.-[MyMETRO](#)

Kambing RM150?

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Utama	Online	28 Jan



ADA pihak melihat tindakan penternak menjual kambing dengan harga terlalu murah merosakkan harga pasaran ternakan itu di negara ini.

Kuala Lumpur: Bagaikan 'jualan runtuh' dengan potongan hampir 90 peratus. Itu yang berlaku apabila semakin ramai penternak kambing didapati menawarkan harga sehingga RM150 bagi seekor kambing kepada orang ramai.

Harga itu dianggap hampir tidak munasabah susulan kebiasaannya seekor kambing dijual sekitar RM1,200 seekor sebelum ini di pasaran sama ada untuk tujuan aqiqah atau sembelihan.

Malah iklan kambing yang

dijual pada harga luar biasa ini dibuat secara terbuka di media sosial termasuk Facebook, TikTok, Instagram.

Fenomena kambing murah ini dilihat semakin berleluasa sejak akhir tahun lalu dengan pelbagai tawaran menarik tidak masuk akal.

Ada kalangan penternak yang menjual tiga kambing seberat sehingga 30 kilogram setiap seekor pada harga 'pakej' RM1,000 sahaja.

Malah terdapat juga penternak yang lebih berani

menjual kambing pada harga RM1,000 untuk empat kambing dewasa.

Pembelian dibuat secara pukal akan diberikan harga lebih murah berbanding pembelian seekor kambing.

Bukan itu sahaja, penternak turut menawarkan perkhidmatan penghantaran secara percuma bagi pembelian pukal dengan tawaran harga yang lebih berpatutan.

Malah di ruangan komen di media sosial turut mengundang pelbagai maklum balas dalam kalangan warga net berkenaan tindakan ramai penternak terbabit.

Ada dalam kalangan netizen dilihat menyambut baik dan memuji usaha dilakukan penternak dalam membantu ramai individu tidak berkemampuan untuk membeli kambing sama ada untuk dijadikan sebagai ternakan, aqiqah dan sebagainya.

Tidak kurang juga menyatakan, ia hanyalah taktik penternak untuk menarik perhatian pembeli sedangkan harga kambing yang ditawarkan itu untuk saiz ternakan yang lebih kecil.

Pada masa sama, ada juga

yang meragui status kambing terbabit yang dikatakan diseludup dari negara jiran.

Malah ada melihat tindakan penternak itu merosakkan harga pasaran ternakan itu di negara ini.

Seorang penternak kambing baka tempatan dan juga berpengalaman menternak kambing import yang memiliki sijil yang sah, Asmah Chem mendedahkan isu terbabit di media sosial sehingga mendapat perhatian ramai pihak.

"Jika terdapat iklan kambing murah di bawah harga pasaran, ia tidak lain tidak bukan adalah kambing yang diimport dari luar, khususnya dari Thailand.

"Kenapa kambing dari Thailand lebih murah? Sebab utamanya adalah kerana kos bahan mentah dedak di Thailand jauh lebih murah berikutan dihasilkan sendiri pengilang tempatan. Berbanding di Malaysia, kita mengimport bahan mentah dedak dari negara luar termasuk dari Thailand," katanya.

Jelasnya, pada asasnya, binatang yang hendak dibawa masuk ke Malaysia perlu memiliki sijil kesihatan veterinar, sijil pelalian atau sijil imunisasi yang

membuktikan bahawa haiwan itu bebas daripada segala penyakit berbahaya.

"Terdapat lebih 30 penyakit ruminan boleh berlaku sekali gus menyebabkan langkah pencegahan termasuk kuarantin amat penting.

"Oleh sebab itu, kita wajib mengambil langkah berjaga-jaga jika ingin membeli kambing murah di pasaran. Dibimbangi kambing itu membawa pelbagai penyakit jika tidak menjalani proses kuarantin dikendali Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Adalah lebih selamat untuk membeli kambing tempatan. Jika ingin membeli kambing import, pastikan kambing yang dibeli sudah dikuarantin dan disaring," katanya.

Isu kambing murah ini turut mendapat perhatian Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim yang mengesahkan ternakan itu dibawa masuk dari negara jiran tanpa proses kuarantin dan pemeriksaan veterinar melalui pemeriksaan dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu.

Katanya, ujian klinikal mendapati penemuan kes penyakit bawaan haiwan yang boleh berjangkit kepada manusia menatijahkan pemakan daging kambing yang berpenyakit ini berisiko dijangkiti.

'Bukan semua kambing murah dijual ini diseludup'

Kuala Lumpur: "Jangan pukul rata!, bukan semua kambing murah yang dijual di negara ini diseludup dari negara jiran," ujar penternak dan peniaga kambing murah, Mohd Arun Shah.

Ketua Pengurus, Bahagian Operasi, Jualan & Logistik QM Global Ventures Sdn Bhd itu berkata, kambing yang dijual syarikatnya melalui prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh pihak berkuasa di negara ini.

"Kami mempunyai dokumen yang mengesahkan kambing di sini mematuhi SOP dan tidak melanggar undang-undang ditetapkan.

"Jadi kami menafikan tuduhan sesetengah pihak yang mendakwa ternakan yang dijual pada harga murah di sini adalah kambing seludup dari negara jiran," katanya ketika dihubungi.

Mohd Arun berkata, pihaknya

dapat menjual kambing itu pada harga yang murah berikutan ternakan itu diambil secara pukal daripada pembekal di negeri pantai timur.

"Kebiasaannya setiap kali ke sana, kami memborong sekitar 200 hingga 400 kambing dan diberikan harga lebih murah oleh pembekal.

"Pada harga itu, kami dapat menjual semula kepada pelanggan sekitar RM1,000 untuk tiga kambing seberat 25 kilogram hingga 30 kilogram. Ia tidak termasuk kos penghantaran dengan kadar keuntungan yang sedikit.

"Pelanggan juga boleh membeli seekor kambing yang dijual pada harga RM390," katanya.

Menurutnya, idea untuk menjual kambing murah ini tercipta kerana mengambil kira faktor ekonomi.

"Saya ingin memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah untuk sama-sama dapat membuat aqiqah. Pada masa sama, saya juga ingin membantu peniaga dan penternak kecil untuk membeli serta menjual semula untuk menjana pendapatan," katanya.

Dia mengakui sejak mula menjual kambing murah, pelbagai kecaman dan fitnah diterima daripada pihak yang tidak senang dengan tindakannya menjual ternakan itu tanpa mengikut pasaran semasa.

'Tak terjual susulan pelanggan beralih kepada kambing import'

Kuala Terengganu: Sukar untuk menyaingi harga kambing Thailand berikutan kambing tempatan dijual antara RM1,000 hingga RM1,600 seekor bergantung kepada berat.

Penternak kambing, Ismail Jusoh, 72, berkata, isu kambing import mula berlaku sejak beberapa tahun lalu namun semakin serius sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, kehadiran kambing Thailand yang dijual ada harga 'melampau' murah di pasaran ketika ini menjejaskan pendapatan penternak tempatan.

"Kambing import ini boleh dibeli pada harga antara RM100 hingga RM250 seekor.

"Memang terkesan bila bekalan kambing import ini mudah diperolehi dan pembeli tentunya memilih yang murah dan beranggapan ternakan kami

ini mahal.

"Apabila dengar harga kambing dijual saya berhaarga antara RM1,000 hingga RM1,600, pembeli akan kata mahal sedangkan mereka tidak melihat saiznya yang lebih besar dan berat.

"Sebagai contoh, kambing berusia dua tahun ditenak beratnya boleh mencecah hampir 25 kilogram (kg) dan dijual dengan harga RM1,000. Ini berbeza berat kambing import yang seberat hanya 12 kg," katanya.

Menurutnya, kambing import ini boleh dijual murah susulan saiznya yang kecil berbanding kambing tempatan.

Menurut Ismail, kebanyakan pembelinya ketika ini adalah pelanggan tetap yang sememangnya sudah mengetahui kualiti kambing ditenak sama ada daripada segi pemakanan dan persekitaran.

"Saya ternak 34 ekor kambing dan kesemuanya diberikan makanan tambahan seperti palet berharga RM60 seguni palet.

"Saya membelanjakan RM1,500 sebulan untuk membeli palet seberat 50 kilogram setiap guni.

Saya tidak pasti sampai bila

gangguan harga berpunca kambing import akan terus berlaku," katanya.

Seorang lagi penternak, Mohd Syukur Khamis, 18, berkata, permintaan terhadap kambing tempatan semakin menurun sejak kemasukan kambing import dari Thailand.

"Walaupun ada kambing yang sudah cukup umur dan boleh dijual, tetapi tiada permintaan berikutan pelanggan beralih kepada kambing import dijual murah.

"Perbuatan menjual kambing import dengan harga murah dan tidak terkawal secara tidak langsung membunuh pasaran kambing tempatan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Terengganu Goat Breeders (TGB) Mohd Shukri Saat berkata, bekalan kambing import akan menguasai pasaran tempatan sekiranya tiada kawalan serta selagi ada permintaan daripada pembeli.

Justeru, katanya, pihak berkaitan diharap dapat memantau isu berkenaan bagi memastikan kambing import ini tidak terus berleluasa di Terengganu sehingga menjejaskan pendapatan penternak tempatan di negeri ini.

"Kambing import ini juga diragui daripada aspek kesihatan kerana tidak melalui pemantauan dan pemeriksaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selain tidak dijaga dengan baik seperti kambing tempatan," katanya.

Tindakan 'bunuh' pasaran tempatan

Gua Musang: Kemasukan tanpa kawalan kambing dari Thailand menjadi punca persaingan harga hingga menyebabkan kambing tempatan ditenak penduduk sukar dipasarkan.

Salah seorang penternak, Suhaika Suhaimi, 32, berkata, kambing dari Thailand ditawarkan pada harga terlalu murah hingga mencecah RM300 seekor.

Menurutnya, harga murah itu 'membunuh' pasaran kambing tempatan ketika ini.

"Pembeli hanya mencari kambing tempatan untuk tujuan aqiqah kerana memerlukan kambing jantan yang cukup umur.

"Sebelum ini saya membekalkan kambing tempatan namun terpaksa menghentikan penjualan kambing berikutan harga dedak makanan kambing semakin meningkat," katanya.

Menurutnya, ada peniaga tempatan yang membeli kambing dari Thailand secara borong dan menjualnya di sini pada harga amat murah.

"Memang pembeli ada pilihan namun kami sebagai penternak mengalami tekanan berikutan perlu mengira segala kos terlibat.

"Kebanyakan kambing harga murah ini adalah kambing betina dan hanya sesuai untuk buat majlis kenduri. Bagi tujuan aqiqah, pembeli tetap mencari kambing tempatan atau kambing spesies boer yang dijual mengikut saiz," katanya yang menternak dan menjual kambing sejak lebih 10 tahun lalu.

Pasukan khas kesan ladang simpan ternakan seludup

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menubuhkan pasukan khas bagi mengesan ladang yang disyaki menjadi tempat simpanan ternakan seludup.

DVS dalam satu kenyataan kepada Harian Metro memaklumkan, ladang-ladang yang dikenal pasti ini akan dipantau secara rapat dari sudut tahap kesihatan ternakan ladang.

"Jika ada ternakan ladang itu diuji positif sebagai pembawa penyakit, ia akan

dikuarantin dan tindakan kawalan penyakit akan diambil. Langkah ini bagi mengekang penularan penyakit ternakan dan jangkitan penyakit zoonotic kepada masyarakat. DVS juga akan memastikan pergerakan ternakan untuk penjualan dari ladang-ladang ini mematuhi prosedur kesihatan ditetapkan," katanya mengulas berkenaan isu kambing yang diseludup sebelum dijual lebih murah di negara ini.

Tindakan itu menyebabkan jualan penternak kambing tempatan di negara ini terjejas teruk.

"DVS menyedari isu harga kambing yang dijual terlalu murah di negara ini dan sedang cuba menanganinya berdasarkan skop tugas jabatan," katanya.-[MyMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR